



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 63
No. 25

3hb Disember 2020

TAMBAHAN
No. 1

ENAKMEN (PEMAKAIAN) PERHUTANAN NEGARA 1987

NATIONAL FORESTRY (ADOPTION) ENACTMENT 1987

No. 105.

PENGISYTIHARAN HUTAN SIMPANAN KEKAL

DECLARATION OF PERMANENT RESERVED FOREST

Pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 7 Enakmen (Pemakaian) Perhutanan Negara 1987 [*En. Ps. 1/1988*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengisyiharkan bahawa kawasan yang dinyatakan dalam Jadual menjadi Hutan Simpanan Kekal yang dikenali sebagai Hutan Simpan Pulau Ketam Tambahan, Kuala Perlis, Perlis mulai dari tarikh penyiaran pemberitahuan ini dalam *Warta*.

In exercise of powers conferred by section 7 of the National Forestry (Adoption) Enactment 1987 [*En. Ps. 1/1988*], the State Authority hereby declares that the area described in the Schedule to be permanent reserved forest known as Pulau Ketam Tambahan Forest Reserve, Kuala Perlis, Perlis with effect from the date of publication of this notification in the *Gazette*.

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

180

[3hb Dis. 2020]

JADUAL/SCHEDULE

Mukim/*Mukim*—Kuala Perlis. No. Pelan/*Plan No.*—P.W. 1506 (disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia, Perlis) (*kept in office of Director of Survey and Mapping Malaysia, Perlis*). Keluasan/*Area*—0.4354 hektar/hectares (ditanda dengan warna kelabu) (*area coloured in grey*).

Bertarikh 1 Disember 2020

Dated 1 December 2020

[PHN.Ps.(S) 06/23 Jld. 3; JUP.Ps. 032; PUN.Ps. 04/38 Jld. 3]

NORAZLAN BIN YAHAYA
Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Perlis/
Secretary State Executive Council Perlis

No. 106.

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 10(1)

NOTIFICATION UNDER SUBSECTION 10(1)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 10(1) Enakmen (Pemakaian) Perhutanan Negara 1987 [*En. Ps. 1/1988*], Pengarah Perhutanan Negeri dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengelaskan Hutan Simpanan Kekal yang diperihalkan dalam Jadual sebagai hutan perlindungan tanah, hutan lipur, hutan pelajaran dan hutan penyelidikan mulai dari tarikh penyiaran pemberitahuan ini dalam *Warta*.

In exercise of the powers conferred by subsection 10(1) of the National Forestry (Adoption) Enactment 1987 [*En. Ps. 1/1988*], the State Director of Forestry with the approval of the State Authority hereby classifies the permanent reserved forest described in the Schedule as soil protection forest, amenity forest, education forest and research forest from the date of publication of this notification in the *Gazette*.

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

3hb Dis. 2020]

181

JADUAL/SCHEDULE

Mukim/*Mukim*—Kuala Perlis. No. Pelan/*Plan No.*—P.W. 1506. Keluasan/*Area*—0.4354 hektar/*hectares* (1.08 ekar/*acres*).

Bertarikh 1 Disember 2020

Dated 1 December 2020

[PHN.Ps.(S) 06/23 Jld. 3; JUP.Ps. 032; PUN.Ps. 04/38 Jld. 3]

AG. SHAFFIE BIN AG. AHMADNI
*Pengarah Perhutanan Negeri
Perlis*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA